

Pakar lahir kebimbangan sindrom mak ayah jadi bank segera untuk anak-anak

Tanggung anak sampai mati

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD dan NORAINI HASSAN BASRI

KUALA LUMPUR – Ramai anak muda di Malaysia menjadikan ibu bapa mereka seperti 'bank segera' apabila masih lagi meminta bantuan kewangan walaupun sudah bekerja untuk pelbagai perkara daripada membeli kereta, rumah sehinggalah mendirikan rumah tangga.

Pakar sosial, Dr. Fatimah Daud berkata, kebanyakan anak muda ketika ini tidak berasa segan untuk meminta duit tambahan daripada ibu bapa sedangkan mereka mampu untuk melancong ke luar negara setiap tahun.

Jelas beliau, dalam sesetengah perbelanjaan seperti perkahwinan dan membeli rumah, ada anak muda yang mahu kesemua perbelanjaan itu ditanggung oleh ibu bapa dengan memberi alasan tidak cukup duit kerana belum bekerja atau tiada tabungan.

"Secara realiti, ibu bapa di Malaysia ketika ini sudah menjadi bank segera atau insurans kewangan kepada anak-anak yang sudah dewasa. Jika tidak cukup duit, mereka tidak risau kerana tahu ada ibu bapa akan tolong.

"Lebih teruk, ada anak-anak yang menyuruh ibu bapa menjaga cucu tanpa memberi apa-apa upah. Sudahlah tidak bayar, mereka marah pula kerana tidak suka anak ditegur oleh nenek mereka sehingga tidak bertegur sapa.

"Saya sendiri pernah berjumpa dengan seorang wanita berusia



BANK segera. Itulah gelaran yang diberikan oleh pakar terhadap sindrom ibu bapa hari ini yang sanggup menghabiskan duit simpanan semata-mata untuk menaja hidup anak-anak. - Gambar hiasan

INFO Ibu bapa yang menyara anak berusia 18 tahun ke atas

Negara	Peratus (%)
Emiriyah Arab Bersatu	79
Indonesia	77
Mexico	59
Malaysia	57
China	55
India	55
Taiwan	53
Argentina	52
Hong Kong	47
Singapura	45
Perancis	38
United Kingdom	30
Amerika Syarikat	26

Sumber: Kajian Kuasa Perlindungan HSBC Malaysia



PAKAR ekonomi dan sosiologi melahirkan kebimbangan dengan sindrom anak-anak menggunakan wang simpanan ibu bapa untuk membeli rumah, kereta, bercuti dan berkahwin walaupun sudah bekerja.

70 tahun yang mengadu penat menjaga 12 orang cucu. Sudahlah penat menjaga lima anak belum hilang, terpaksa pula jaga 12 cucu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Kosmo! semalam melaporkan kajian Kuasa Perlindungan HSBC Bank Malaysia Bhd. (HSBC Malaysia) mendedahkan kira-kira 57 peratus ibu bapa di Malaysia masih memberi sokon-

gan kewangan kepada anak-anak mereka walaupun sudah berusia lebih 18 tahun.

Tinjauan berjudul *Mendepani Masa Depan* itu turut mendapati, ibu bapa di negara ini berada pada kedudukan keempat peringkat global dalam menyokong kewangan anak-anak mereka yang dewasa dengan Emiriyah Arab Bersatu berada di tempat teratas.

Sementara itu, Pensyarah

Bantuan kewangan terus diberikan untuk sokongan pendidikan, kos kehidupan

Ibu bapa masih sara anak dewasa



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Zaid Ahmad berkata, perubahan demografi di Malaysia telah membesarkan saiz keluarga kelas menengah sehingga mempunyai pendapatan agak tinggi.

Jelas beliau, golongan keluarga kelas menengah ini memberi kesenangan kepada zuriat mereka kerana tidak mahu anak-anak merasai dan mewarisi kesusahannya yang pernah ditanggung dahulu.

"Dari satu sudut ia bagus kerana ibu bapa ini tidak mahu anak-anak susah, tetapi asuhan seperti ini membunuh karakter anak muda hingga menjadikan mereka tidak pandai berdikari dan sentiasa mahu dibantu.

"Anak-anak akan berasa mere-

ka sentiasa mempunyai kad ATM yang boleh mengeluarkan duit ketika susah. Perkara ini tidak bagus kerana kita mencipta budaya yang merosakkan anak muda," ujarnya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, Prof. Ahmad Hariza Hashim berkata, ibu bapa perlu bijak menguruskan perbelanjaan untuk anak terutama jika ia melibatkan wang persaraan mereka.

"Usia tua rakyat Malaysia semakin meningkat. Jika wang persaraan telah habis digunakan untuk belanja perkahwinan, pembelian rumah anak, menjaga cucu, ia sudah pasti tidak cukup menampung perbelanjaan hari tua kelak.

"Justeru itu, anak-anak perlu memikirkan kehidupan dan kesejahteraan hari tua ibu bapa dengan tidak menyusahkan mereka untuk menanggung perbelanjaan kita," ujarnya.

Ibu bapa tanggung anak sampai mati

RAMAI anak muda yang sudah bekerja di Malaysia sanggup menjadikan ibu bapa mereka seperti bank segera apabila masih lagi meminta wang bagi pelbagai tujuan daripada membeli kereta dan rumah baharu sehinggalah belanja untuk mendirikan rumah tangga.

Lebih malang apabila kebanyakan anak muda berkenaan juga tidak segan-silu meminta ibu bapa menanggung perbelanjaan walaupun mereka mampu melancong ke luar negara setiap tahun.

Pakar sosial, Dr. Fatimah Daud berkata, secara realiti ada ibu bapa yang telah tua di Malaysia terbeban sehingga mati kerana terpaksa menjadi sumber kewangan kepada anak-anak yang sudah dewasa.

"Dalam sesetengah urusan

SINDROM ibu bapa dijadikan bank segera oleh anak-anak membimbangkan pakar sosial di negara ini.

Ramai anak muda sudah bekerja jadikan ibu ayah bank segera untuk dapatkan wang

seperti perkahwinan dan membeli rumah, ada anak yang mahu kesemua perbelanjaan itu ditanggung oleh ibu bapa atas alasan tidak cukup duit kerana belum bekerja atau tiada tabungan," katanya.

Fatimah berkata demikian bagi mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai kajian

HARGA kediaman yang semakin mahal adalah antara punca anak muda meminta bantuan kewangan daripada ibu bapa.

Kuasa Perlindungan HSBC Bank Malaysia Bhd. yang mendedahkan kira-kira 57 peratus ibu bapa di negara ini masih memberi sokongan kewangan kepada anak-anak mereka berusia lebih 18 tahun.



LAPORAN DI MUKA 2